

## **SIARAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Serta-Merta  
Khamis, 23 Februari 2023**

### **Sime Darby Berhad Laport Untung Bersih S2 TK2023 Berjumlah RM389 juta**

PETALING JAYA, 23 Februari 2023 – Sime Darby Berhad telah mencatatkan untung bersih sebanyak RM389 juta bagi suku kedua berakhir 31 Disember 2022 (S2 TK2023), iaitu peningkatan 12.8 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Hasil Kumpulan bagi S2 TK2023 ialah RM11.29 bilion, 7.6 peratus lebih tinggi berbanding RM10.49 bilion yang dicatatkan pada S2 TK2022.

Bahagian Perindustrian merupakan penyumbang utama bagi suku tahun yang dilaporkan, diterajui oleh operasi di Australasia, yang mencatatkan keuntungan lebih tinggi, terutamanya melalui pertumbuhan organik daripada segmen peralatan di Australia serta perniagaan enjin di Singapura.

“Sementara itu, bahagian Automotif memperolehi jumlah jualan yang lebih tinggi daripada operasi Malaysia, sekaligus mengimbangi kesan penyusutan margin daripada perniagaan China pada suku tahun yang dilaporkan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Dato’ Jeffri Salim Davidson.

“Dengan pembukaan semula China baru-baru ini serta normalisasi rantaian bekalan, kami berharap agar prestasi operasi peruncitan kereta di China kembali meningkat. China kekal sebagai penjana hasil terbesar kami, dan kami yakin terhadap prospek jangka panjang pasaran tersebut.

Penyempurnaan jualan syarikat-syarikat Pelabuhan Weifang baru-baru ini, yang menyaksikan keuntungan RM147 juta dicatatkan pada suku tahun semasa, menandakan kami keluar sepenuhnya daripada perniagaan Logistik – sekaligus membolehkan kami memberi tumpuan sepenuhnya kepada dua perniagaan teras kami, iaitu Perindustrian dan Automotif di seluruh rantau Asia Pasifik,” tambahnya.

Penyerahan pesanan yang dibuat dalam tempoh bebas SST telah menyokong operasi Automotif Kumpulan di Malaysia, yang mencatatkan prestasi kukuh pada separuh pertama TK2023. Pelancaran model baharu di seluruh operasi serantau Kumpulan juga dijangka membantu mengekalkan momentum jualan yang tinggi dalam jangka masa terdekat.

Permintaan bagi model EV kami yang merangkumi pelbagai jenama tetap kukuh, menandakan kesediaan pasaran untuk mengguna pakai pengangkutan elektrik. BYD, jenama terbaharu dalam angkatan kami, mendapat sambutan yang menggalakkan di pasaran Malaysia, dan ini merupakan satu langkah positif dalam usaha Sime Darby untuk menjadi peneraju dalam sektor EV.

Sebagai salah satu daripada wakil penjual BMW yang terbesar di dunia, pengiktirafan BMW sebagai peneraju utama bagi segmen mewah dunia buat dua tahun berturut-turut merupakan sesuatu yang amat memberansangkan. Kami berharap untuk terus memanfaatkan kekuatan jenama BMW dan rangkaian produknya yang menarik," tambah Dato' Jeffri.

Bahagian Perindustrian menjangkakan harga komoditi yang tinggi akan terus mengukuhkan pelaburan dalam sektor sumber, sekaligus memacu jualan peralatan dan meningkatkan permintaan bagi perkhidmatan penyenggaraan.

"Meninjau ke hadapan, eksport arang batu Australia ke China akan disambung semula. Kami tetap yakin dengan industri perlombongan dan pembinaan di Australia," rumus," Dato' Jeffri.

Sime Darby Berhad mengumumkan dividen interim 3 sen sesaham bagi separuh pertama TK2023.

---

***Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:***

***Tan Yee Pheng***

*Komunikasi Kumpulan*

*Sime Darby Berhad*

*Tel: +60193816330*

*E-mel: [tan.yee.pheng@simedarby.com](mailto:tan.yee.pheng@simedarby.com)*

### **Mengenai Sime Darby Berhad**

*Sime Darby Berhad ialah rakan niaga pilihan bagi jenama-jenama terbaik dunia dalam sektor Perindustrian dan Permotoran. Kami menjanjikan nilai lestari kepada pihak-pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan operasi, piawaian prestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Sime Darby Berhad yang diasaskan pada 1910, hari ini mempunyai tenaga kerja seramai 22,862 kakitangan dan kehadiran di 19 negara dan wilayah di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia dengan modal pasaran berjumlah RM15.74 bilion (USD3.55 bilion) setakat pada 22 Februari 2023. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.simedarby.com>*